



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

25 RABIULAKHIR 1447H / 17 OKTOBER 2025M

“PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN NEGARA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾ (الحجرات: 13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita semua akan diberikan ganjaran pahala serta diberikan keluasaan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN NEGARA.”**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk, kesatuan perpaduan bukan sahaja terhadap kepada sesama umat Islam tetapi melibatkan

seluruh warganegara daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Islam mengiktiraf kepelbagaian ini sebagai fitrah ciptaan Allah SWT sepertimana firman Allah SWT yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah sebentar tadi, dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Justeru itu, kepelbagaian bukan sebab untuk berpecah, tetapi peluang untuk saling memahami dan berbuat baik. Maka, perpaduan perlu berasaskan prinsip saling hormat-menghormati, bertoleransi dan saling tolong-menolong dalam kebaikan. Manakala bagi orang mukmin, kemuliaan sebenarnya di sisi Allah adalah kemantapan takwanya. Umat Islam wajib untuk mendamaikan dua kelompok mukmin yang berselisih semata-mata menyeru bertakwa kepada Allah agar mendapat rahmat-Nya dengan dasar iman, serta mengingatkan pentingnya menjaga keharmonian dan menjauhi perpecahan.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Negara kita juga memiliki pelbagai etnik yang digambarkan sebagai sebuah negara unik yang berjaya mengekalkan suasana damai dan harmoni. Namun, amat mendukacitakan apabila segelintir masyarakat yang kurang cakna akan

isu sensitiviti sesebuah kaum menyebabkan benang perpaduan yang selama ini ditunen indah kini semakin terlerai apabila isu-isu perkauman dan perbalahan sering dibangkitkan di media massa mahupun media sosial. Tanpa perpaduan, masyarakat mudah dipengaruhi, dijajah pemikiran serta dipecah belahkan oleh musuh yang ingin melihat masyarakat lemah. Sebaliknya dengan perpaduan, lahirlah keamanan, keharmonian serta kekuatan yang mendorong kemajuan ummah.

Mengimbau tindakan Rasulullah SAW yang menjadikan perpaduan sebagai asas utama dalam pembinaan sesebuah negara. Baginda telah menyatukan dua kabilah melalui pemuafakatan di antara Kaum Muhajirin dan Ansar dengan termeterainya Piagam Madinah. Dokumen itu bukan sahaja mengiktiraf hak umat Islam, malah menjamin hak masyarakat serta kabilah lain untuk hidup dalam perjanjian damai. Ini jelas membuktikan bahawa perpaduan adalah asas kepada keamanan masyarakat majmuk.

Tiga saranan utama khatib ingin ketengahkan sebagai panduan umat Islam dalam usaha memperkukuh perpaduan, iaitu:

Pertama: Menyedari bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang agama dan bangsa adalah harta tidak ternilai yang wajib dipelihara.

Kedua: Menjauhi fitnah dan kebencian yang diibaratkan sebagai bom jangka yang mampu memusnahkan perpaduan. Perbezaan pandangan dalam Islam adalah rahmat, tetapi apabila diurus dengan kebencian, ia menjadi fitnah.

Ketiga: Berpegang teguh pada jalan Allah SWT dengan menjaga persaudaraan sesama Islam dan masyarakat bukan Islam.

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imraan ayat ke 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا.... ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...”*

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Perpaduan bukan sekadar slogan, malahan ia adalah pasak serta paksi yang menjamin kelangsungan mana-mana tamadun negara. Kepelbagaian ternyata bukan penghalang, tetapi merupakan kekuatan yang bersulam prinsip adil dan ihsan. Ini juga merupakan salah satu kerangka Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang berteraskan **“harmoni dalam kepelbagaian”** agar menerapkan nilai tersebut ke dalam diri masyarakat sama ada berbangsa Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Bajau, Bugis, Kadayan, Murut, Sungai dan sebagainya.

Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA katanya, sabda Rasulullah SAW:

" الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا. " وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ. (رواه البخاري)

Maksudnya: *“Bandingan seseorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan, yang mana bahagiannya saling menguatkan antara satu sama lain.”* Lalu baginda pun menjalinkan antara jari-jarinya. (HR. Bukhari)

Hadis ini menggambarkan bahawa umat Islam mesti hidup dalam semangat saling bantu-membantu dan kasih sayang. Imam An-Nawawi dalam *Syarah Sahih Muslim* menegaskan bahawa perpaduan itu lahir apabila wujud rasa *ukhuwah Islamiyyah* iaitu persaudaraan yang berasaskan iman, bukan kepentingan duniawi semata-mata. Tambahan pula, masyarakat Islam mestilah hidup saling tolong-menolong dan bersatu padu tanpa membelakangkan bangsa dan agama kerana ia adalah asas kekuatan dalam komuniti majmuk.

Jika kita benar-benar ingin melihat negara aman, maka setiap daripada kita mestilah memainkan peranan sebagai agen perpaduan.

Khatib mengambil peluang untuk kita renungkan bersama kepada saudara-saudara kita di Palestin yang kini sedang menghadapi penindasan dan kekejaman tanpa belas kasihan selama 70 tahun lebih. Mereka diuji dengan kesengsaraan, namun semangat perpaduan dan keteguhan iman tetap menjadi kekuatan mereka dalam menentang kezaliman. Walaupun mereka dikepung dari segenap arah, mereka tidak pernah menyerah kalah. Inilah contoh bahawa kekuatan sebenar umat Islam tidak terletak pada bilangan atau senjata, tetapi pada kesatuan hati dan pegangan terhadap agama Allah. Imam al-Ghazali dalam Kitab Ihya' Ulumuddin turut menegaskan bahawa *"tiada kekuatan bagi masyarakat tanpa kesatuan hati."* Justeru, perpaduan ialah benteng yang melindungi masyarakat daripada kebinasaan.

Jika umat Islam di Malaysia mampu bersatu sebagaimana semangat yang ditunjukkan oleh saudara kita di Palestin yang bersatu di bawah kalimah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: *"Tiada tuhan melainkan Allah, Nabi Muhammad Pesuruh Allah."*

Nescaya negara kita akan terus aman, makmur, dan dihormati dunia.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Intipati khutbah kali ini merupakan rentetan khutbah sebelum ini yang mana menekankan mengenai isu perpaduan kerana ia amat penting dan wajib kita pertahankan sebagai kunci kepada rukun negara. Sebagai umat Islam, kita hendaklah saling ingat-mengingati. Terkadang lalai dan alpa itulah lumrah setiap insan yang bergelar manusia.

Menyimpul khutbah kali ini, marilah bersama-sama kita renungi beberapa frasa penting yang ingin disampaikan antaranya ialah:

Pertama: Perpaduan adalah asas kekuatan dan kemakmuran dalam sesebuah negara masyarakat majmuk. Masyarakat yang bersatu akan dihormati, manakala perpecahan membawa kehancuran.

Kedua: Umat Islam di Malaysia mesti menjaga keharmonian dan ukhuwah agar tidak terpecah oleh pandangan politik dan kepentingan duniawi.

Ketiga: Perjuangan umat Palestin mengajar kita erti keteguhan dan kesatuan, bahawa kekuatan Islam lahir daripada kesatuan hati dan iman.

Keempat: Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh perpaduan sejati melalui Piagam Madinah, yang wajar dijadikan model dalam membina masyarakat Islam moden yang adil dan sejahtera.

Firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ... ﴿١١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri....”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَحَّامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin,
kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami
dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan
keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara
berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan

ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.